

# HRD Corp pusat latih modal insan

BH - 3/12/2021 mlb: 2

## Pelbagai program kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia elak pertindihan

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) akan berperanan sebagai agensi pusat sehati bagi semua program pembangunan modal insan, selaras penjenamaan semula agensi itu di bawah Kementerian Sumber Manusia semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan juga menetapkan bahawa semua latihan peningkatan dan kepelbagaian kemahiran diletakkan di bawah kementerian itu dikendalikan HRD Corp bagi mengelakkan pertindihan.

Beliau juga yakin HRD Corp dapat menggalas tanggungjawab diberikan dengan lebih besar sebagai agensi pusat untuk semua program pembangunan modal insan selaras dengan penjenamaan baharu agensi itu.

"HRD Corp mampu menyokong visi negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi berteraskan ekonomi digital melalui pembangunan aset negara paling berharga iaitu Keluarga Malaysia.

"Ini selaras dengan aspirasi kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), berteraskan Wawasan Kemakmuran

Bersama 2030.

"Dua dimensi utama RMKe-12 iaitu Pemerikasaan Ekonomi dan Perekayasaan Sosial sememangnya memerlukan inisiatif yang mencipta peluang pekerjaan dan latihan kemahiran untuk segenap masyarakat," katanya ketika merasmikan Pelancaran Jenama HRD Corp dan Platform Sehati Program Kemahiran, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim, Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp, Datuk Seri Jamil Salleh dan Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood.

Ismail Sabri berkata, usaha itu juga akan diterjemahkan melalui platform bersepadu atau *single window* untuk rakyat mencari

dan memohon program pembangunan kemahiran yang ditawarkan kerajaan.

"Platform bersepadu ini akan diakses lebih sejuta rakyat negara ini pada tahun hadapan dengan 5,000 kursus akan ditawarkan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

"Dijangka seramai 220,000 peserta akan menyertainya dengan pembiayaan kerajaan.

"Justeru, saya berharap HRD Corp akan dapat memberikan manfaat serta impak yang besar kepada negara untuk jangka panjang sekali gus membolehkan kerajaan memulakan strategi pembangunan bakat lebih padu, tersusun dan cekap untuk pemuahan pasca pandemik" katanya.

Sementara itu, M Saravanan berkata, penjenamaan semula HRD Corp ini seiring peranannya dalam usaha membangunkan modal insan negara.

Katanya, penjenamaan semula itu juga kesan daripada pandemik di mana peranan agensi ini semakin meluas untuk memenuhi keperluan latihan dan pembangunan rakyat dalam usaha memulihkan sosioekonomi negara.

"Tanggungjawab baharu ini datang tepat pada masanya sekali gus menunjukkan komitmen dan hala tuju agensi ini sebagai 'primary custodian' pembangunan kemahiran dan modal insan buat seluruh rakyat.

"HRD Corp juga akan menjadi agensi utama untuk mengurus Upskill Malaysia iaitu platform sehati nasional untuk semua program peningkatan kemahiran ditawarkan oleh kerajaan," katanya.

Sehingga kini lebih 200 program dalam 35 bidang kemahiran ditawarkan oleh 28 kementerian dan agensi menerusi platform itu.